



Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- | | |
|---|--|
| <p>1 Seseorang yang mempunyai integriti akan _____ segala jenis usaha yang mampu meruntuhkan nilai murni yang dipraktikkannya.</p> <p>A menarik C membendung
B menolak D membangunkan</p> <p>2 Pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi _____ integriti dalam diri masyarakat.</p> <p>A menyampaikan
B menyelesaikan
C membentuk
D membina</p> | <p>3 Dengan _____ pegawai dengan sesuatu barangan bernilai untuk membantu memudahkan sesuatu urusan, seseorang itu boleh dituduh mengamalkan rasuah.</p> <p>A menghulur C menghulurkan
B menghadiahi D menghadiahkan</p> <p>4 Seseorang pemimpin perlulah sentiasa _____ tugasnya berbanding dengan kepentingan peribadi.</p> <p>A membelakangkan
B mendahulukan
C mendepankan
D mengenali</p> |
|---|--|

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Penguatkuasaan yang longgar terhadap undang-undang menyebabkan pelaku rasuah tidak gentar mengulangkan kesalahannya.

- 2 Pelantikan Ahmad sebagai ketua pengawas menyokong sebulat suara oleh guru-guru memandangkan dia seorang yang komited terhadap tugas.

- 3 Ah Chong serahkan diri kepada pihak polis dengan mengaku kesilapan yang telah dilakukannya semasa menguruskan projek itu.

- 4 Sesebuah negara akan mencapai kemajuan apabila kadar rasuah di negara tersebut menurunkan.

- 5 Aiman dijatuhi hukuman 10 tahun penjara dan denda RM30 000.00 setelah didapati bersalah menerima rasuah ketika menguruskan siasatan kes itu.
